

Sempena peletakan batu asas Terminal Makanan Negara di Kelantan oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi

# Projek RM200j nadi baru petani Pantai Timur

BH 4/2/08 M/S 8

Oleh Khairul Anuar Abdul Samad

**H**ARI ini, Kelantan melakarkan satu lagi sejarah tersendiri apabila Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, meletakkan batu asas projek Terminal Makanan Negara (Teman) di Kilometer 6, Jalan Pasir Mas-Salor, Mukim Tunjong, Kota Bharu.

Teman yang membabitkan kos lebih RM200 juta akan menjadi satu lagi mercu tanda kebanggaan rakyat Cik Siti Wan Kembang hasil usaha Kerajaan Pusat ke arah memajukan sektor pertanian di negara ini khususnya di Kelantan.

Pembinaan Teman di Kelantan untuk zon Pantai Timur adalah yang kedua di negara ini selepas Perak (Zon Utara) dan termasuk dalam projek Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Selain dua negeri itu, kerajaan juga merancang membangunkan Teman di kawasan terpilih lain termasuk di Sarawak dan Sabah.

Terminal yang melambangkan pembangunan prasarana pasaran moden menghubungkan rangkaian pengeluar dan pembekal kepada pengguna, dilihat mampu memanfaatkan masyarakat Kelantan yang sudah terkenal aktif dalam sektor perta-

nian sejak dulu lagi.

Ia akan berfungsi sebagai pusat pemborongan hasil pertanian dan industri asas-tani secara cekap serta berkesan di samping berperanan sebagai pusat pengumpulan maklumat, pengawasan ciri keselamatan makanan serta agro pelancongan.

Penolong Pegawai Ehwal Ekonomi (Kanan) Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Kelantan, Ramli Mohd Noor, berkata penubuhan Teman tepat pada masanya dalam usaha mengatasi import hasil pertanian ke negara ini.

Katanya, fasa satu pembinaan terminal itu sudah bermula sejak Februari tahun lalu dan dijangka siap sepenuhnya menjelang Mac ini.

"Terminal itu merangkumi blok menempatkan produk peruncitan, daging dan ayam, ikan, perusahaan kecil dan sederhana, sayur dan buah-buahan, kedai makan serta blok pentadbiran.

"Bagi memantapkan perjalanan terminal itu, Majlis Pengurusan Teman akan dibentuk dengan dianggotai pegawai dan agensi kerajaan berkaitan termasuk Fama, Majlis Perbandaran Kota Bharu, jabatan kerajaan lain serta wakil persatuan pemborong dan peserta," katanya.

Melalui penubuhan Teman, ia dilihat

berupaya memperelok serta menggalakkan amalan industri yang baik memabitkan kualiti, perakuan, pengredan, pembungkusan dan pelabelan, pengedaran dan piawai keselamatan makanan.

Penubuhan Teman juga dilihat mampu menjadi pemangkin ke arah pembangunan satu sistem pengagihan dan logistik yang cekap bagi sektor perniagaan tani.

Terminal ini juga bermatlamat untuk mewujudkan pasaran lebih cekap melalui mekanisme penentuan harga berkesan, yang dapat memastikan persaingan saksama serta telus di kalangan pembekal dan pemborong.

Teman dilihat berupaya menyediakan platform logistik unggul ke arah memenuhi keperluan khusus pengguna pasaran yang pelbagai termasuk petani dan persatuan petani, koperasi, syarikat pembungkusan, peruncit besar, hotel dan saluran dagang makanan runcit, pengimport dan pengeksport serta pengendali pengangkutan, bank dan perniagaan lain.

Selain membantu meningkatkan kualiti pengeluaran dan pemasaran hasil pertanian negara, Teman juga menyokong Program Kontrak Pemasaran yang dilaksanakan oleh Fama.

Menerusi program Kontrak Pemasaran

itu, Fama dan pengeluar akan menghasilkan produk yang menepati kualiti, kuantiti, jenis, pembungkusan dan pengredan bagi menjamin pasaran pada harga yang ditetapkan.

Ketua Pengarah Fama, Datuk Mohamed Shariff Abdul Aziz, berkata pelaksanaan Teman adalah usaha memodenkan pusat aktiviti hasil pertanian dan industri asas-tani membabitkan kaedah yang lebih cekap serta sistematik.

Katanya, pertanian yang kini sudah menjadi satu perniagaan sedang melalui era globalisasi.

"Faktor kualiti seperti penerapan standard dan kualiti, pembungkusan baik serta menarik akan memberi kelebihan terhadap sesuatu pengeluaran. Oleh itu, Teman dilihat sebagai platform terbaik dalam meningkatkan hasil pengeluaran pertanian negara," katanya.

Pada alaf baru ini, sektor pertanian negara dan dunia akan berdepan dengan persaingan sengit dari negara yang mengeluarkan hasil pertanian yang sama dan negara tidak boleh lagi memandang ringan masalah ini kerana sektor pertanian masih lagi menjadi sumber pendapatan utama sebahagian besar penduduk negara ini.

Melalui penggunaan teknologi termaju,

Teman berupaya menghubungkan secara langsung antara petani dan pasaran sama ada di seluruh negara atau peringkat antarabangsa.

Dengan menghasilkan barangan yang mematuhi piawai global dari segi mutu, keselamatan, kandungan pemakanan dan perakuan halal, rangkaian Teman akan mempercepatkan perkembangan dalam sektor pertanian.

Melalui kaedah ini, ia akan membantu produk tempatan mendapat tempat dalam pasaran antarabangsa sekali gus mampu menarik lebih ramai pelabur asing dalam perniagaan tani tempatan.

Segala perancangan Kerajaan Pusat ini hanya bertujuan memperbaiki nasib rakyat khususnya yang berada di luar bandar.

Melalui projek ini, diharapkan akan lahir usahawan yang berjaya dalam bidang pertanian. Oleh itu usahawan tani dan pihak swasta dijemput menyertai usaha kerajaan ini dengan mengambil bahagian secara aktif dalam projek seumpama ini.

Masyarakat Kelantan yang terbabit secara langsung atau tidak dalam sektor pertanian harus merebut peluang terbuka luas yang disediakan Kerajaan Pusat ini ke arah meningkatkan taraf ekonomi mereka sekali gus sektor pertanian negara.

Kewujudan terminal ini diharap menyedarkan masyarakat peladang di Kelantan bahawa Kerajaan Pusat sedang berusaha membantu mereka merealisasikan pertanian sebagai perniagaan.

Kebanyakan yang terbabit di sektor pertanian di negeri itu adalah golongan miskin dan kewujudan Teman mampu mengubah senario ekonomi mereka.

Terpulang kepada masyarakat Kelantan sama ada untuk mengubah masa depan dengan memanfaatkan peluang disediakan Kerajaan Pusat atau sentiasa berpuas hati dengan apa yang ada kini.